



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (36)

Tarikh: 5 Jun 2026

MBPJ RAIKAN 20 TAHUN STATUS BANDAR RAYA MELALUI PELBAGAI PROGRAM KOMUNITI, PEMBELAJARAN DAN KELESTARIAN

Petaling Jaya, 5 Jun 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bakal menganjurkan **Festival Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20** bermula **16 hingga 21 Jun 2026** sebagai tanda penghargaan terhadap perjalanan dua dekad bandar raya ini sejak diisytiharkan sebagai bandar raya pada 20 Jun 2006.

Sambutan selama enam hari itu bakal menghimpunkan pelbagai program berteraskan pembelajaran sepanjang hayat, pendigitalan, kelestarian alam sekitar, pembangunan komuniti serta kebudayaan yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon berkata, sambutan tersebut bukan sekadar mengimbuai sejarah perkembangan Petaling Jaya, malah menjadi platform memperkukuh semangat kebersamaan dan memperbaharui komitmen ke arah masa depan bandar raya yang lebih mampan, bahagia, pintar dan berdaya tahan.

“Dua dekad ini menyaksikan transformasi Petaling Jaya hasil kerjasama erat antara pihak berkuasa tempatan, komuniti, sektor swasta dan pelbagai pemegang taruh. Sambutan ini merupakan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada pembangunan bandar raya ini,” katanya ketika Majlis Prapelanaran Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20 dan Perhimpunan Warga Kerja MBPJ di Dewan Sivik MBPJ, hari ini.

Beliau berkata, MBPJ akan terus memperkukuh penyampaian perkhidmatan, memperkasakan komuniti serta memanfaatkan teknologi dan inovasi bagi memastikan Petaling Jaya kekal sebagai bandar raya pilihan untuk didiami, bekerja, belajar dan beriadah.

Sepanjang 20 tahun lalu, Petaling Jaya berkembang sebagai antara bandar raya utama negara yang berperanan sebagai pusat ekonomi, pendidikan, kesihatan, inovasi dan perkhidmatan. Dengan keluasan 97.2 kilometer persegi dan populasi 807,879 orang penduduk (Januari 2024), bandar raya ini terus menjadi antara pemacu utama pembangunan di Selangor dan Lembah Klang.

Selari dengan perkembangan tersebut, MBPJ melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan rakyat, pembangunan mampan, transformasi digital, pengurusan alam sekitar, mobiliti bandar dan pengukuhan daya tahan komuniti.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Komitmen berterusan tersebut turut diterjemahkan melalui pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa. Antaranya, Petaling Jaya merupakan bandar raya pertama di Malaysia yang diterima sebagai **ahli UNESCO Global Network of Learning Cities (GNLC)** serta diiktiraf sebagai **Bandar Mesra Kanak-Kanak** oleh **Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF)**. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan pihak berkuasa tempatan dalam memperkuat budaya pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan modal insan yang inklusif dan mampan, serta memastikan hak, kesejahteraan dan suara kanak-kanak sentiasa diberi keutamaan dalam pembangunan bandar raya.

Sebanyak **11 program utama** serta **6 perkhidmatan percuma** akan ditawarkan sepanjang sambutan ini. Antara tarikan utama sambutan ialah **PJ Learning City Festival 2026** yang menampilkan pelbagai program berteraskan pembelajaran sepanjang hayat merangkumi forum pendidikan, literasi digital, pembangunan kemahiran, keselamatan siber, kecerdasan buatan (AI) dan sesi perkongsian ilmu.

Selain itu, **PJ Digital 2026** akan mengetengahkan pameran teknologi dan inovasi ICT, pengalaman realiti maya (VR), aktiviti interaktif serta pertandingan e-sukan sebagai usaha memperkuat literasi digital dalam kalangan masyarakat.

Aspek kelestarian turut diberi penekanan menerusi pelbagai program alam sekitar termasuk **Hari Terbuka PJ Eco Recycling Plaza**, program **Trash to Cash**, pengumpulan sisa elektrik dan elektronik (e-Waste), kutipan minyak masak terpakai, bengkel kitar semula serta inisiatif ekonomi kitaran.

Sambutan turut dimeriahkan dengan pelbagai program komuniti dan kebudayaan seperti festival makanan, persembahan seni budaya, persembahan *buskers*, aktiviti keluarga, program kesihatan, zon kanak-kanak, pertandingan **LEGO Robotics** dan aktiviti untuk warga emas.

Kemuncak sambutan akan berlangsung pada **20 Jun 2026** di Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin menerusi **Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya ke-20** yang bakal menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat melalui perarakan komuniti melibatkan sekolah, institusi pengajian tinggi, sektor kesihatan, industri perhotelan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta agensi strategik.

Majlis tersebut turut diserikan dengan persembahan kebudayaan, persembahan artis jemputan dan pertunjukan bunga api sebagai simbolik dua dekad kecemerlangan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya maju dan sejahtera.

Sebagai tanda penghargaan kepada warga kota, MBPJ turut menawarkan beberapa inisiatif khas sepanjang tempoh sambutan termasuk **tempat letak kereta percuma**, **keahlian percuma Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya** serta **agihan anak pokok, baja kompos organik** dan **abate** kepada orang ramai.

Pada majlis prapelancon hari ini, MBPJ turut melancarkan **Anugerah Komuniti Mampan Petaling Jaya 2026** sebagai platform pengiktirafan kepada komuniti yang aktif melaksanakan amalan kelestarian dan pembangunan mampan di peringkat setempat.

Turut berlangsung penyampaian penghargaan **Anugerah Persada Inovasi MBPJ 2026** kepada Kumpulan Kreatif dan Inovatif Majlis serta hadiah kepada pemenang Pertandingan Mereka Cipta Logo Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20.

Sebagai sebahagian daripada usaha promosi dan hebahan program, bahan promosi Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20 dan Anugerah Komuniti Mampan Petaling Jaya 2026 turut disampaikan kepada wakil jabatan, agensi serta rakan strategik yang hadir.

Orang ramai dijemput hadir memeriahkan sambutan yang berlangsung dari 16 hingga 21 Jun 2026 dan menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan. Maklumat lanjut boleh diperoleh menerusi laman sesawang serta saluran media sosial rasmi MBPJ.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (37)

Tarikh: 9 Jun 2026

MBPJ TERUSKAN KERJASAMA DENGAN SOH WAI CHING, PERKUKUH PETALING JAYA SEBAGAI HAB PEMBANGUNAN SUKAN LARIAN MENARA

Petaling Jaya, 9 Jun 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini meneruskan kerjasama strategik bersama jaguh larian menara dunia, Soh Wai Ching, menerusi pemeteraian perjanjian tajaan selama setahun yang berlangsung di Ibu Pejabat MBPJ.

Menerusi perjanjian berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2026, MBPJ menyalurkan tajaan berjumlah RM75,000 bagi menyokong penyertaan Soh Wai Ching dalam kejohanan larian menara di peringkat antarabangsa, sekali gus membantu beliau mengekalkan kedudukan sebagai pelari menara nombor satu dunia pada tahun 2026.

Kerjasama ini bukan sahaja bertujuan memperkukuh pencapaian atlet negara di pentas antarabangsa, malah menjadi platform untuk mempromosikan bandar raya Petaling Jaya di peringkat global melalui penglibatan aktif Soh Wai Ching dalam pelbagai kejohanan dan program antarabangsa.

Sepanjang musim 2025, Soh Wai Ching mencatatkan prestasi cemerlang apabila meraih 32 kejuaraan di 14 negara, termasuk 26 gelaran juara keseluruhan dan enam kali naib juara. Beliau turut mencipta 15 rekod kejohanan serta menerima pengiktirafan satu *Guinness World Record* dan empat *Malaysia Book of Records*.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon berkata, perjanjian yang dimeterai hari ini turut menetapkan beberapa tanggungjawab bersama, termasuk kewajipan Soh Wai Ching mengenakan pakaian rasmi berlogo MBPJ dalam setiap penyertaan kejohanan larian menara dan sesi temu bual media di dalam serta luar negara.

Menurut beliau, kerjasama tersebut turut memberi penekanan kepada pembangunan bakat baharu melalui usaha menjadikan Petaling Jaya sebagai pusat pembangunan sukan larian menara negara.

“Sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan sukan, Soh Wai Ching akan mengendalikan sesi latihan dan bengkel larian menara secara berkala pada setiap Sabtu, tertakluk kepada jadual kejohanan yang disertainya. Program ini bertujuan menarik lebih ramai penyertaan dalam kalangan generasi muda serta melahirkan pelapis yang mampu mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa,” katanya.

Sebagai manifestasi komitmen tersebut, MBPJ juga akan menganjurkan **PJ International Tower Run 2026** pada **21 Jun 2026**, jam 9.00 pagi, bersempena sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya ke-20.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Acara bertaraf antarabangsa ini dijangka menghimpunkan peserta tempatan dan luar negara serta menjadi platform untuk memperkenalkan dan mempromosikan sukan larian menara kepada masyarakat umum. Penganjuran kejohanan ini juga dijangka memperkukuh kedudukan Petaling Jaya sebagai destinasi sukan bandar yang aktif, progresif dan bertaraf antarabangsa.

Selain itu, Soh Wai Ching akan terlibat dalam tiga sesi ceramah motivasi anjuran MBPJ di sekolah-sekolah sekitar Petaling Jaya bagi berkongsi pengalaman dan menyemarakkan semangat kecemerlangan dalam kalangan pelajar.

Sebagai duta rasmi MBPJ, beliau turut berperanan mempromosikan inisiatif, program dan aspirasi bandar raya Petaling Jaya menerusi pelbagai platform komunikasi serta memberi keutamaan kepada MBPJ dalam penyiaran aktiviti yang berkaitan dengan tajaan tersebut.

Kerjasama ini turut memberi manfaat dari aspek pembangunan latihan, pendedahan antarabangsa dan peluang pembangunan kerjaya yang dapat memperkukuh perjalanan profesional beliau sebagai atlet elit negara.

Kerjasama berterusan ini mencerminkan komitmen MBPJ dalam menyokong pembangunan bakat sukan berprestasi tinggi, di samping memanfaatkan pencapaian atlet tempatan sebagai medium memperkukuh imej Petaling Jaya sebagai bandar raya yang progresif, berdaya saing dan bertaraf antarabangsa.

MBPJ berharap kerjasama ini akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak kejayaan Soh Wai Ching pada masa hadapan, sekali gus mengharumkan nama Malaysia dan Petaling Jaya di persada dunia.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (38)

Tarikh: 12 Jun 2026

124 PASUKAN PKKPJ TERIMA SUMBANGAN GERAN MBPJ, PERKASA PERANAN KOMUNITI DALAM AGENDA BANDAR SELAMAT

Petaling Jaya, 12 Jun 2026 – Seramai **124 Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ)** menerima sumbangan Geran PKKPJ 2026 daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sebagai sokongan terhadap usaha memperkukuh peranan komuniti dalam aspek keselamatan kejiranan serta pencegahan jenayah di kawasan masing-masing.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon berkata, penyaluran geran berkenaan merupakan komitmen MBPJ dalam memperluaskan pendekatan keselamatan bandar berasaskan kerjasama bersama komuniti.

Menurut beliau, pembangunan sebuah bandar raya yang selamat bukan sahaja bergantung kepada aspek penguatkuasaan, malah memerlukan penyertaan aktif masyarakat sebagai mata dan telinga dalam mengenal pasti isu keselamatan setempat.

“Dalam memastikan Petaling Jaya terus menjadi bandar raya yang selamat dan berdaya huni, peranan komuniti amat penting. PKKPJ merupakan rakan strategik MBPJ dalam membantu mewujudkan persekitaran kejiranan yang lebih prihatin, responsif dan kondusif,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada **Majlis Penyampaian Sumbangan Geran Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) 2026** yang berlangsung di Dewan Banquet, Dewan Sivik MBPJ, hari ini.

Pelaksanaan PKKPJ yang berteraskan pendekatan *community-based policing* merupakan antara inisiatif MBPJ dalam memperkasakan penyertaan masyarakat menerusi aktiviti rondaan keselamatan, program kesedaran komuniti serta jaringan kerjasama bersama agensi keselamatan..

Bagi tahun 2026, kadar sumbangan geran PKKPJ telah dinaikkan kepada **RM3,500 bagi setiap pasukan** berbanding **RM3,000 pada tahun sebelumnya**, melibatkan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak **RM434,000.00**. Peningkatan ini bertujuan menyokong pasukan PKKPJ dalam memperluaskan pelaksanaan aktiviti keselamatan, kebajikan komuniti serta program kejiranan yang memberi manfaat kepada penduduk setempat.

“Geran ini bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi merupakan penghargaan MBPJ terhadap komitmen sukarelawan PKKPJ yang meluangkan masa dan tenaga dalam membantu menjaga keselamatan kawasan kejiranan masing-masing,” ujar beliau.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Inisiatif ini turut selari dengan **Pelan Strategik MBPJ 2026–2030** khususnya **Teras 3** yang memberi fokus kepada pemerkasaan komuniti inklusif dan sejahtera ke arah peningkatan kualiti kehidupan bandar.

Selain pelaksanaan PKKPJ, MBPJ turut membangunkan **Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya** sebagai kerangka strategik bagi menyelaraskan pengurusan keselamatan bandar secara menyeluruh melibatkan aspek persekitaran, infrastruktur, teknologi digital, pengurusan keselamatan serta penguatkuasaan.

Sepanjang tahun 2025, MBPJ telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik di bawah **Agenda Bandar Selamat** antaranya:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Bandar Selamat dan Komuniti Berpengawal MBPJ
- ii. Program Pemutihan Kawasan Blackspot di Pelangi Damansara
- iii. Semakan Pematuhan Reka Bentuk Bandar Selamat Berdasarkan Konsep *Crime Prevention Through Environmental Design* (Cpted)
- iv. Penambahbaikan Garis Panduan Komuniti Berpengawal MBPJ 2025
- v. Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ)
- vi. Karnival Pencegahan Jenayah dan Keselamatan di Desa Mentari serta Bengkel Kesedaran dan Pertahanan Diri Wanita.

Pada majlis yang sama, MBPJ turut menyampaikan **Anugerah Kecemerlangan PKKPJ** kepada pasukan dan persatuan yang menunjukkan prestasi cemerlang berdasarkan pelaksanaan program keselamatan kejiranan, penglibatan komuniti serta kerjasama bersama agensi berkaitan. Anugerah tersebut melibatkan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak **RM 14,000.00**.

MBPJ yakin penglibatan aktif komuniti melalui PKKPJ mampu memperkukuh budaya prihatin terhadap keselamatan, seterusnya menyumbang kepada pembentukan Petaling Jaya sebagai bandar raya yang selamat, mampan dan sejahtera.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (39)

Tarikh: 13 Jun 2026

MBPJ PERKUKUH PEMATUHAN SEKSYEN 85A MELALUI MBCS-MBPJ, 22 PEMILIK BANGUNAN TERIMA ANUGERAH BANGUNAN BERPRESTASI TINGGI 2026

Kuala Lumpur, 13 Jun 2026 – Bagi memperkukuhkan pematuhan pemilik bangunan yang menerima Notis 85A terhadap keperluan pemeriksaan keadaan bangunan sedia ada, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus mempergiat pelaksanaan Pemeriksaan Bangunan Berkala (MBCS-MBPJ) melalui penganjuran **Majlis Anugerah Bangunan Berprestasi Tinggi 2026 dan Taklimat Pemantapan Kecekapan Mandatori Pemeriksaan Bangunan Berkala (MBCS-MBPJ), Seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)** bersama pihak pengurusan bangunan, pemilik serta perunding profesional di Petaling Jaya.

Majlis yang berlangsung di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur hari ini menjadi platform bagi memperjelaskan skop, tanggungjawab serta tatacara pelaksanaan pemeriksaan bangunan berdasarkan Garis Panduan Pemeriksaan dan Pengukuran Keadaan Bangunan Sedia Ada (MBCS-MBPJ) yang ditetapkan oleh MBPJ.

Penganjuran program ini turut bertujuan meningkatkan kefahaman semua pihak berkaitan keperluan pemeriksaan, kaedah penyediaan laporan serta pematuhan garis panduan agar proses penilaian keadaan bangunan dapat dilaksanakan secara lebih tersusun, menyeluruh dan berkesan.

Timbalan Setiausaha (Pengurusan) MBPJ, YBrs. Tn. Mohd Fauzi bin Maarop berkata, pelaksanaan pemeriksaan bangunan secara berkala merupakan langkah proaktif bagi memastikan aset bangunan sedia ada kekal selamat, terpelihara serta berada pada tahap prestasi yang optimum.

Menurut beliau, aspek keselamatan bangunan perlu diberi perhatian serius khususnya melibatkan bangunan berusia lebih 10 tahun kerana penyelenggaraan yang berterusan serta pemeriksaan berkala mampu membantu mengenal pasti potensi risiko pada peringkat awal.

“Pemantapan kecekapan pemeriksaan keadaan bangunan bukan sahaja membantu pemilik memenuhi keperluan perundangan, malah menyokong usaha meningkatkan kualiti pengurusan dan penyelenggaraan aset bangunan secara berterusan.

“Melalui penilaian yang dilaksanakan secara berkala, sebarang isu atau kelemahan dapat dikenal pasti lebih awal bagi membolehkan tindakan pembaikan diambil sebelum menjejaskan keselamatan penghuni serta pengguna bangunan,” katanya.



Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis berkenaan yang turut dihadiri Ahli-Ahli Majlis MBPJ, En. Ismathinoon bin Abdul Rahman, Pengarah Kawalan Bangunan MBPJ, pegawai kanan MBPJ, perunding profesional serta wakil pihak pengurusan bangunan.

Pelaksanaan Seksyen 85A Akta 133 turut memperincikan peranan dan tanggungjawab semua pihak berkaitan termasuk pihak berkuasa tempatan, pemilik bangunan serta perunding profesional berdaftar dalam memastikan pemeriksaan dan penyediaan laporan dilaksanakan mengikut tatacara serta standard teknikal yang ditetapkan.

Kerjasama strategik antara MBPJ, pemilik bangunan dan perunding profesional amat penting dalam membentuk budaya pengurusan bangunan yang lebih sistematik dan bertanggungjawab, sekali gus menyumbang kepada pewujudan persekitaran bandar raya yang selamat.

Dalam majlis sama, seramai **22 pemilik bangunan** telah **menerima Anugerah Bangunan Berprestasi Tinggi 2026** (rujuk lampiran) sebagai pengiktirafan terhadap usaha mereka melaksanakan proses pemeriksaan bangunan berkala sehingga berjaya memperoleh **Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan (SPPB/CCI) Tahun 2025**.

Pengiktirafan tersebut mencerminkan tahap pematuhan tinggi serta kesungguhan pemilik bangunan dalam mengutamakan aspek keselamatan, penyelenggaraan dan pengurusan aset bangunan.

MBPJ berharap penganugerahan ini dapat menjadi pemangkin kepada lebih ramai pemilik bangunan di Petaling Jaya untuk mengambil tindakan proaktif dalam melaksanakan pemeriksaan berkala, selain meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan penjagaan bangunan secara berterusan.

Sebagai pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan warga bandar raya, MBPJ akan terus memperkukuhkan tadbir urus serta pelaksanaan inisiatif berkaitan keselamatan bangunan selaras dengan aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang bahagia dan mampan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (40)

Tarikh: 13 Jun 2026

PJ INTERNATIONAL CRITERIUM RACE 2026 TARIK PENYERTAAN PELUMBA TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Petaling Jaya, 13 Jun 2026 – PJ International Criterium Race 2026 kembali mencuri tumpuan apabila 400 pelumba tempatan dan antarabangsa berentap dalam perlumbaan berbasikal berintensiti tinggi yang berlangsung di Laman MBPJ hari ini.

Menggabungkan elemen kepantasan, strategi perlumbaan dan ketahanan fizikal, kejohanan ini menyaksikan penyertaan pelumba dari Indonesia, Thailand, Singapura dan Arab Saudi sekali gus mengangkat Petaling Jaya sebagai lokasi pilihan bagi penganjuran acara berbasikal kompetitif bertaraf antarabangsa.

Berbeza daripada perlumbaan berbasikal konvensional, format *criterium* yang digunakan dalam kejohanan ini menetapkan pemenang berdasarkan jumlah pusingan yang berjaya diselesaikan dalam tempoh masa tertentu, sekali gus menguji kecekapan teknikal, taktikal serta daya tahan setiap pelumba.

Sebanyak **sembilan kategori** dipertandingkan melibatkan **Men Open, Men Elite, Men Fixie Open, Men MTB Open, Men Master, Men SUKMA, Women Elite, Women Open** dan **MBPJ Open** dengan keseluruhan hadiah berjumlah hampir **RM 45,000.00**.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2022, *PJ International Criterium Race* terus berkembang dengan peningkatan penyertaan pelumba dari dalam dan luar negara, menjadikannya antara acara berbasikal yang semakin mendapat perhatian di peringkat negeri serta antarabangsa.

Kejohanan ini dianjurkan oleh **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dengan kerjasama strategik **Persatuan Berbasikal Negeri Selangor (PBNS)**. PBNS memainkan peranan penting melalui penyediaan pasukan teknikal profesional bagi memastikan pengurusan perlumbaan, aspek keselamatan serta sistem pemarkahan dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, berkata penganjuran *PJ International Criterium Race 2026* mencerminkan komitmen MBPJ dalam memperkasa pembangunan sukan bandar raya serta menyediakan ruang kompetitif kepada atlet tempatan dan antarabangsa.

“Acara seperti ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelumba untuk menyerlahkan kemampuan masing-masing, malah memperkukuh budaya sukan dalam kalangan masyarakat serta mempromosikan Petaling Jaya sebagai bandar raya yang aktif, inklusif dan berdaya saing.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

“Kehadiran pelumba antarabangsa membuktikan bahawa Petaling Jaya mempunyai keupayaan untuk menjadi tuan rumah kepada acara sukan bertaraf global, selaras dengan aspirasi menjadikan PJ sebagai bandar raya paling bahagia dan mampan,” katanya.

Selain perlumbaan utama, pengunjung turut disajikan dengan pelbagai aktiviti komuniti dan kekeluargaan di Laman MBPJ seperti ***Leisure Game, pertandingan mewarna kanak-kanak, Soopa Doopa, Giant Bubble Balloon, Eco Free Market*** serta ***jualan merchandise***.

Suasana kejohanan ini turut dimeriahkan dengan kehadiran trak makanan (*food truck*) dan *flea market* yang memberi peluang kepada komuniti setempat untuk bersama-sama menikmati pengalaman gaya hidup sihat dalam suasana santai dan mesra keluarga.

PJ International Criterium Race 2026 bukan sekadar platform pertandingan sukan, malah menjadi pemangkin kepada pengaktifan ruang awam, peningkatan penyertaan komuniti serta pertumbuhan aktiviti ekonomi setempat.

MBPJ komited meneruskan pelaksanaan program sukan yang mampu mencungkil bakat baharu, menggalakkan gaya hidup aktif serta menyokong pembentukan komuniti Petaling Jaya yang sihat, dinamik dan berdaya saing.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/¹204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (41)

Tarikh: 19 Jun 2026

MBPJ SEDIA 2,321 PETAK TEMPAT LETAK KERETA BAGI MEMUDAHKAN PENGUNJUNG SEMPERA FESTIVAL ULANG TAHUN BANDARAYA PETALING JAYA KE-20

PETALING JAYA, 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyediakan sebanyak **2,321 petak tempat letak kereta** di sekitar **Pusat Bandar Seksyen 52** bagi memastikan kelancaran pergerakan dan keselesaan pengunjung yang hadir memeriahkan **Festival Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20** yang berlangsung dari **16 hingga 21 Jun 2026**.

Sambutan ini menampilkan pelbagai program dijangka menarik ribuan pengunjung dari dalam dan luar Petaling Jaya.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif mesra rakyat dan penghargaan kepada warga kota, MBPJ turut menawarkan kemudahan tempat letak kereta percuma sepanjang tempoh sambutan bagi memudahkan orang ramai menghadiri pelbagai aktiviti yang telah disusun.

Bagi tujuan tersebut, lokasi tempat letak kereta yang disediakan adalah seperti berikut :

LOKASI	BILANGAN PETAK
On-Street Parking Sekitar Pusat Bandar Seksyen 52	735 unit
Bangunan Persekutuan	100 unit
Kompleks C	284 unit
Kompleks A	422 unit
Menara Choy Fook On	200 unit
Bangunan PKNS	400 unit
Taman Jaya	100 unit
Sungai Jernih	80 unit
JUMLAH KESELURUHAN	2,321 unit

Penyediaan kemudahan parkir yang mencukupi merupakan antara usaha MBPJ untuk memastikan pengalaman terbaik kepada pengunjung sepanjang festival berlangsung.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)

Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20 bukan sekadar meraikan dua dekad status bandar raya, malah merupakan penghargaan kepada seluruh warga Petaling Jaya yang telah bersama-sama menyumbang kepada pembangunan bandar raya ini. Penyediaan 2,321 petak tempat letak kereta ini adalah sebahagian daripada komitmen MBPJ dalam memastikan kemudahan dan keselesaan pengunjung agar mereka dapat menikmati pelbagai program yang telah dirancang dengan lebih lancar dan selamat.

Festival Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20 merupakan simbolik kepada perjalanan transformasi Petaling Jaya sejak diisytiharkan sebagai bandar raya pada 20 Jun 2006 dan menjadi platform memperkukuh semangat kebersamaan masyarakat ke arah bandar raya yang lebih mampan, pintar dan berdaya tahan.

MBPJ menjemput seluruh warga Petaling Jaya dan masyarakat umum untuk hadir memeriahkan sambutan bersejarah ini serta memanfaatkan pelbagai program dan perkhidmatan yang disediakan sepanjang festival berlangsung.

Kemuncak sambutan akan berlangsung pada 20 Jun 2026 di Laman MBPJ dengan pelbagai pengisian menarik termasuk perarakan komuniti, persembahan kebudayaan dan konsert artis popular tanah air.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), e-mel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/ 204



مجلس بڠداراي ڤتالينڠ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (42)

Tarikh: 20 Jun 2026

MBPJ PERKASA AGENDA BANDAR RAYA INKLUSIF MELALUI PROGRAM PJ PRIHATIN SEMPERA ULANG TAHUN BANDAR RAYA KE-20

Petaling Jaya, 20 Jun 2026 - Tanggal 20 Jun 2006 kekal terpahat sebagai detik bersejarah buat Petaling Jaya apabila Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dinaik taraf daripada status perbandaran kepada bandar raya, sekali gus membuka lembaran baharu dalam perjalanan pembangunan bandar yang lebih tersusun dan mampan.

Bermula sebagai sebuah kawasan pembangunan yang dibuka pada tahun 1952, Petaling Jaya telah berkembang pesat sebagai sebuah bandar moden yang menjadi nadi pertumbuhan ekonomi, sosial dan komuniti. Namun, di sebalik transformasi fizikal yang membanggakan, MBPJ terus berdepan cabaran dalam memastikan pembangunan bandar sentiasa seiring dengan keperluan rakyat dan kesejahteraan komuniti.

Seiring aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang mampan dan bahagia, MBPJ komited memastikan manfaat pembangunan dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang.

Sempena **Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya ke-20** bertemakan “**Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan**”, MBPJ meneruskan inisiatif tanggungjawab sosial menerusi **Program PJ Prihatin** sebagai manifestasi keprihatinan terhadap komuniti rentan khususnya golongan berpendapatan rendah.

Program ini selaras dengan **Pelan Strategik MBPJ 2026 – 2030** serta menyokong agenda **17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)** dalam memperkukuh kesejahteraan sosial, keterangkuman dan pembangunan bandar yang mampan.

Bagi edisi sambutan kali ini, seramai **27 buah keluarga** daripada golongan B40 yang berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan menerima manfaat menerusi Program PJ Prihatin dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM13,500**.

Sesi penyerahan sumbangan telah diketuai oleh **YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**, yang turut turun padang menyantuni tiga keluarga penerima terpilih serta menyampaikan sumbangan wang tunai sebanyak **RM500** setiap seorang.

Turut menjayakan program ini ialah kerjasama strategik bersama **Parkwood Holdings Berhad** yang menyumbang **barangan keperluan harian, barangan keperluan khas** serta **baucar Caring Pharmacy** bernilai **RM200** kepada penerima.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)

Antara penerima yang disantuni ialah **Puan Fatimah binti Shariff**, 71 tahun, penghuni Pangsapuri Taman Petaling Utama yang mengalami masalah kesihatan selepas serangan strok dan memerlukan penjagaan rapi sepenuhnya.

Turut menerima perhatian ialah **Puan Zarina binti Mohamad Johari** yang berdepan komplikasi kesihatan akibat penyakit kronik sehingga menjejaskan keupayaan fizikal, selain mempunyai tanggungan keluarga yang memerlukan sokongan berterusan.

Datuk Bandar Petaling Jaya turut meluangkan masa menyampaikan bantuan secara langsung kepada **Puan Zainon binti Abdul Rahman** dari Pangsapuri Blok 5, Jalan PJS 5/5C, Desa Mentari sebagai tanda keprihatinan MBPJ terhadap kebajikan komuniti setempat.

Bagi memastikan bantuan disalurkan secara menyeluruh, baki sumbangan kepada penerima lain akan diteruskan melalui Ahli Majlis MBPJ di kawasan masing-masing agar manfaat program dapat disampaikan dengan lebih dekat dan berkesan.

Program PJ Prihatin merupakan antara **11 acara utama** yang dianjurkan sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20 yang berlangsung dari **16 hingga 21 Jun 2026**.

MBPJ terus memperkukuh peranan sebagai pihak berkuasa tempatan yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal bandar, malah mengutamakan nilai kemanusiaan, kesejahteraan sosial dan pemerkasaan komuniti dalam usaha menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang bahagia, mampan dan penyayang.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, e-mel:

media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/ 204



مجلس بنداراي فتالينج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

Bil. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (43)

Tarikh: 20 Jun 2026

DUA DEKAD TRANSFORMASI PERKUKUH PETALING JAYA SEBAGAI BANDAR RAYA MAMPAN, BAHAGIA DAN BERDAYA TAHAN

Petaling Jaya, 20 Jun 2026 – Dua dekad sebagai bandar raya menyaksikan Petaling Jaya melalui transformasi menyeluruh yang signifikan, daripada sebuah bandar satelit yang pesat membangun kepada sebuah bandar raya moden, progresif dan berdaya tahan di negeri Selangor.

Sepanjang tempoh 20 tahun ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah merekodkan pelbagai pencapaian penting merangkumi peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan bandar raya, pembangunan infrastruktur mampan, pendigitalan sistem pentadbiran, pengukuhan agenda kelestarian alam sekitar serta pemerkasaan komuniti setempat.

Kejayaan ini dizahirkan melalui kerjasama strategik antara MBPJ, masyarakat, sektor swasta serta pelbagai pemegang taruh yang bersama-sama membentuk ekosistem bandar yang inklusif, responsif dan berorientasikan kesejahteraan rakyat.

Selaras dengan perkembangan tersebut, Petaling Jaya kini berdiri sebagai sebuah bandar raya metropolitan yang bukan sahaja maju dari segi fizikal, malah semakin matang dari aspek tadbir urus, pembangunan sosial serta pengukuhan identiti komuniti.

Perkembangan dua dekad ini diraikan menerusi penganjuran **Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20** yang berlangsung meriah di Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, hari ini.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **Y.B. Datuk Borhan bin Aman Shah, EXCO Perumahan & Kebudayaan Negeri Selangor**. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, Ahli-ahli Majlis, rakan-rakan strategik dari sektor kerajaan dan swasta serta barisan pengurusan tertinggi MBPJ.

Sambutan ini menjadi simbol penghargaan terhadap perjalanan 20 tahun Petaling Jaya sebagai bandar raya serta manifestasi kesinambungan pembangunan yang berteraskan kesejahteraan rakyat.

Datuk Bandar Petaling Jaya dalam ucapannya berkata, sambutan ulang tahun ini bukan sekadar meraikan pencapaian, sebaliknya mencerminkan perjalanan panjang pembangunan bandar yang dibina atas asas kebersamaan.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.instagram.com/pjcitycouncil)

“Petaling Jaya dibangunkan melalui usaha kolektif pelbagai pihak. Dua dekad ini membuktikan bahawa kejayaan bandar raya ini bukan hanya diukur melalui pembangunan fizikal, tetapi juga melalui kekuatan komuniti, kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan serta kesejahteraan warganya,” katanya.

Beliau turut menegaskan komitmen MBPJ untuk terus memperkukuh penyampaian perkhidmatan bandar raya yang efisien, responsif dan berteraskan rakyat, selaras dengan aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya paling bahagia dan berdaya huni.

Mengekalkan tema **“PJ Bandar Paling Bahagia dan Mampan”**, MBPJ komited menterjemahkan aspirasi tersebut melalui penganjuran **11 program utama** serta **enam perkhidmatan percuma** sepanjang Festival Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20 yang berlangsung selama enam hari dari 16 Jun 2026 hingga 21 Jun 2026.

Festival ini dirancang bagi memperkukuh hubungan antara pihak berkuasa tempatan dan masyarakat, di samping menyemarakkan semangat kebersamaan serta rasa memiliki terhadap bandar raya ini. Penganjuran festival ini berjaya menarik kehadiran lebih 20,000 pengunjung sepanjang program berlangsung.

Pelbagai pengisian telah disusun merangkumi program komuniti, aktiviti kebajikan, gaya hidup sihat, kelestarian alam sekitar, penglibatan belia serta hiburan rakyat yang memberi peluang kepada seluruh warga Petaling Jaya untuk turut serta dalam sambutan bersejarah ini.

Antara acara kemuncak ialah pertandingan perarakan yang disertai hampir 600 peserta daripada 15 kontinjen melibatkan agensi kerajaan dan swasta. Pertandingan ini menawarkan hadiah wang tunai RM3,000 bagi tempat pertama, RM2,000 bagi tempat kedua dan RM1,500 bagi tempat ketiga, bersama sijil dan plak.

Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan serta artis popular tanah air antaranya Ernie Zakri, Shidi Data, Thalita, Victoria, Zubir Khan dan Naim Daniel.

Sebagai penghargaan kepada warga Petaling Jaya, MBPJ menyediakan pelbagai inisiatif istimewa termasuk kemudahan parkir percuma di seluruh kawasan Petaling Jaya serta akses percuma kepada kemudahan sukan MBPJ seperti kolam renang, gelanggang dan padang pada 20 Jun 2026.

Selaras dengan agenda kelestarian bandar, sebanyak 1,000 anak pokok telah diedarkan kepada orang ramai sebagai sokongan kepada usaha penghijauan bandar. Pada masa sama, ubat Abate turut diagihkan secara percuma sebagai langkah pencegahan awal pembiakan jentik-jentik bagi membanteras wabak denggi.

Bagi memperkukuh budaya ilmu dalam kalangan masyarakat, MBPJ turut menawarkan keahlian percuma Perpustakaan Komuniti PJ kepada orang ramai bermula 20 hingga 22 Jun 2026.

MBPJ merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan sambutan ulang tahun ini, termasuk rakan strategik daripada agensi kerajaan, sektor swasta serta komuniti setempat yang sentiasa memberikan sokongan berterusan.

Seiring aspirasi pembangunan bandar yang progresif, MBPJ akan terus memperkukuh agenda bandar mampan dan inklusif melalui pelaksanaan inisiatif yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat.

Usaha ini akan diteruskan secara konsisten bagi memastikan Petaling Jaya kekal sebagai bandar raya berdaya huni, seimbang dan beridentiti unggul, selaras dengan misi “Petaling Jaya Mampan dan Bahagia 2030”.

TAMAT

RUJUKAN EVOLUSI PETALING JAYA

Petaling Jaya dibangunkan hasil daripada perancangan strategik Kerajaan Negeri Selangor pada awal tahun 1950-an bagi menangani pertumbuhan penduduk Kuala Lumpur yang semakin pesat serta kewujudan penempatan tidak terancang di kawasan pinggir bandar. Kawasan bekas ladang getah Effingham Estate seluas kira-kira 1,200 ekar di Jalan Klang Lama telah dikenal pasti sebagai lokasi pembangunan penempatan baharu yang dikenali sebagai Petaling Jaya.

Seiring perkembangan bandar, pengurusan Petaling Jaya kemudiannya diserahkan kepada Petaling Jaya Authority pada tahun 1954 sebelum diwartakan sebagai Lembaga Bandaran Petaling Jaya pada 1 Januari 1964 dengan autonomi kewangan bagi memperkukuh pentadbiran bandar. Perkembangan pesat ini menyaksikan Petaling Jaya terus berkembang sehingga dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) pada 1 Januari 1977 selaras dengan pengubalan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Kemuncak evolusi pentadbiran Petaling Jaya tercapai pada 20 Jun 2006 apabila MPPJ dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), sekali gus mengiktiraf peranan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya utama yang menjadi pemacu pertumbuhan Negeri Selangor. Kini, dengan keluasan pentadbiran 97.2 kilometer persegi, populasi seramai 829,865 penduduk serta 292,680 pegangan harta, Petaling Jaya terus berkembang sebagai bandar raya moden yang menekankan aspek kelestarian, inovasi dan kesejahteraan komuniti.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBPJ, sila layari www.mbpj.gov.my.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Puan Nor Sarina binti Lamak
No. Tel : 03-79563544 sambungan 203 / 208
E-mel : norsarina@mbpj.gov.my

Cik Anis Azreena binti Saarifaripi
No. Tel : 03-79563544 sambungan 203 / 208
E-mel : anis_azreena@mbpj.gov.my



مجلس بڠداراي ڤتالينڠ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

Bil. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (44)

Tarikh: 20 Jun 2026

PJ INTERNATIONAL TOWER RUN 2026 TARIK LEBIH 300 PESERTA DARI 10 NEGARA, SEMARAKKAN SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA PETALING JAYA KE-20

Petaling Jaya, 21 Jun 2026 – Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20 terus meriah dengan penganjuran **PJ International Tower Run 2026** yang berjaya menghimpunkan lebih **300 peserta** dari **10 negara** termasuk Malaysia, Singapura, Myanmar, Filipina, Kenya, Australia, India, Vietnam dan New Zealand.

Penyertaan antarabangsa ini memperlihatkan peningkatan minat terhadap sukan larian menara selain mengukuhkan reputasi Petaling Jaya sebagai bandar raya yang menyokong pembangunan sukan, kecergasan dan gaya hidup sihat.

Memasuki edisi keempat, acara ini menawarkan cabaran unik kepada peserta apabila mereka perlu menawan **552 anak tangga merentas 25 tingkat**, menguji kekuatan fizikal, ketahanan mental serta keupayaan mengawal strategi perlumbaan dalam suasana kompetitif.

Perlumbaan yang bermula pada jam 7.30 pagi itu menggunakan format dua pusingan “**knock-out**” dan sesi pelepasan telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato’ Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**. Seramai 10 pelari terpentas kemudiannya layak ke pusingan akhir bagi merebut gelaran juara.

Sebanyak **lima kategori** dipertandingkan melibatkan :

- i. Kategori Terbuka Lelaki (16–39 tahun)
- ii. Kategori Terbuka Perempuan (16–39 tahun)
- iii. Kategori Veteran Lelaki (40 tahun ke atas)
- iv. Kategori Veteran Perempuan (40 tahun ke atas)
- v. Kategori Media

Antara tarikan utama kejohanan tahun ini ialah penyertaan **Soh Wai Ching**, pelari menara nombor satu dunia yang juga merupakan duta MBPJ. Beliau bukan sahaja mengharumkan nama Malaysia menerusi pencapaian di pentas antarabangsa, malah turut menjadi inspirasi dalam memperkembangkan sukan larian menara negara.

Edisi kali ini turut menyaksikan penyertaan Ahli Majlis MBPJ serta warga kerja MBPJ, sekali gus memperkukuh semangat kebersamaan dan gaya hidup aktif dalam kalangan warga bandar raya.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Soh Wai Ching yang pernah mencatat rekod PJ Tower Run pada tahun 2024 dengan masa **1 minit 49 saat** turut menjadi perhatian apabila peserta lelaki berpeluang mencabar rekod tersebut menerusi insentif khas RM200 bagi catatan baharu. Bagi kategori wanita pula, rekod kejohanan **2 minit 57 saat** yang dicatatkan Michele Tan pada tahun 2023 turut menjadi sasaran peserta.

Turut mencuri tumpuan ialah penyertaan **Raisya Adelea**, juara kebangsaan wanita Malaysia berusia 14 tahun dari Kota Bharu yang tampil sebagai antara bakat muda berpotensi dalam sukan larian menara.

PJ International Tower Run 2026 juga menjadi sebahagian daripada **Oregon Towerrun Series**, iaitu siri perlumbaan melibatkan 10 kejohanan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Penyertaan dalam siri ini memberi peluang kepada atlet untuk meningkatkan prestasi serta mengumpul mata dalam ranking dunia larian menara.

Kejayaan penganjuran acara ini merupakan hasil kerjasama antara **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dan **Malaysia Towerrunning Association (MTA)** yang secara konsisten memperkasakan pembangunan sukan larian menara di Malaysia.

Usaha memupuk budaya kecergasan dalam kalangan komuniti turut diperkukuhkan menerusi bengkel larian menara mingguan yang dianjurkan setiap Sabtu, jam 5.30 petang hingga 7.00 malam, sekali gus memberi ruang kepada masyarakat untuk mengenali dan mendalami sukan ini.

Lebih daripada sekadar pertandingan, *PJ International Tower Run 2026* menjadi wadah yang menyatukan komuniti melalui semangat kesukanan, ketahanan diri dan aspirasi untuk membentuk warga bandar raya yang lebih sihat serta bertenaga.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), e-mel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/ 204



مجلس بڠداراي ڤتالينڠ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

Bil. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (45)

Tarikh: 21 Jun 2026

MBPJ RAIKAN KELAHIRAN 'BAYI BANDAR RAYA' SEMPENA ULANG TAHUN PETALING JAYA KE-20

Petaling Jaya, 21 Jun 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini meraikan kelahiran bayi yang dilahirkan pada tarikh bersejarah 20 Jun menerusi Program Bayi Bandar Raya sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20.

Program ini merupakan inisiatif tahunan MBPJ sebagai simbolik penghargaan kepada generasi baharu yang berkongsi tarikh kelahiran dengan hari bersejarah pengisytiharan Petaling Jaya sebagai bandar raya kedua di Selangor.

Bayi berkenaan selamat dilahirkan di Hospital Columbia Asia Petaling Jaya pada jam 11.02 pagi secara pembedahan. Pasangan ibu bapa dari Sri Lanka itu turut menzahirkna rasa gembira atas kehadiran cahaya mata mereka yang menjadi sebahagian daripada detik istimewa Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-20.

Bagi mengabadikan detik istimewa tersebut, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya telah mengetuai sesi kunjungan ke hospital berkenaan serta menyampaikan cenderahati berupa hamper kelengkapan bayi dan kad keahlian Perpustakaan Komuniti MBPJ secara percuma seumur hidup kepada bayi yang diraikan.

Menurut Datuk Bandar Petaling Jaya, Program Bayi Bandar Raya bukan sahaja menjadi tanda penghargaan kepada keluarga yang dikurniakan cahaya mata pada tarikh istimewa ini, malah mencerminkan komitmen MBPJ dalam membina hubungan erat bersama komuniti sejak awal kehidupan.

“Setiap kelahiran merupakan simbol harapan dan masa depan. Melalui program ini, MBPJ ingin berkongsi kegembiraan bersama keluarga serta menyemai rasa bangga dan kecintaan terhadap Petaling Jaya dalam kalangan generasi baharu,” katanya.

Tarikh 20 Jun kekal sebagai detik bermakna buat seluruh warga Petaling Jaya apabila Petaling Jaya diisytiharkan sebagai bandar raya pada tahun 2006. Sambutan ini menjadi wadah untuk meraikan perjalanan dua dekad transformasi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang mampan, bahagia dan berdaya tahan.

Dikeluarkan oleh :

Sekretariat Media

**Unit Komunikasi Korporat, Majlis
Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), e-mel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/ 204



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بندياري فتالينج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

Bil. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (46)

Tarikh: 25 Jun 2026

ANUGERAH MEDIA MBPJ 2026: PLATFORM PENGHARGAAN STRATEGIK, PERKUKUH JALINAN MBPJ BERSAMA PENGAMAL MEDIA

Kuala Lumpur, 26 Jun 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus memperkukuh hubungan strategik bersama pengamal media menerusi penganjuran **Anugerah Media MBPJ 2026** yang berlangsung di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur, sebagai tanda penghargaan terhadap peranan media dalam memperluas penyampaian maklumat berkaitan perkhidmatan, inisiatif dan agenda pembangunan bandar raya Petaling Jaya.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**. Majlis ini merupakan inisiatif Unit Komunikasi Korporat MBPJ dengan kehadiran lebih 250 orang pengamal media daripada pelbagai platform.

Penganjuran anugerah ini bertujuan untuk menghargai sumbangan rakan media yang sentiasa memainkan peranan penting dalam memastikan maklumat berkaitan MBPJ disampaikan secara tepat, beretika dan berkesan kepada masyarakat serta pemegang taruh.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya berkata landskap komunikasi masa kini menuntut tahap profesionalisme, ketelitian dan tanggungjawab yang lebih tinggi susulan perubahan pantas dalam ekosistem penyampaian maklumat.

Menurut beliau, peranan media bukan lagi sekadar menyampaikan berita, sebaliknya menjadi rakan strategik dalam membentuk kefahaman masyarakat terhadap dasar, perkhidmatan awam serta isu berkaitan pembangunan bandar.

“Dalam era komunikasi digital yang berkembang pesat, aspek ketepatan, keseimbangan dan integriti maklumat perlu sentiasa diberi keutamaan. Hubungan erat antara MBPJ dan pengamal media mampu membentuk satu ekosistem komunikasi strategik berasaskan kepakaran, pengalaman serta sumber maklumat yang sahih demi manfaat warga Petaling Jaya,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa perkembangan platform media sosial serta penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) memberikan cabaran baharu kepada industri komunikasi, sekali gus memerlukan semua pihak lebih berhemah dalam memastikan penyampaian maklumat kekal berkualiti dan dipercayai.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)

Berdasarkan statistik, sebanyak **2,143 liputan media** berkenaan MBPJ telah diterima sepanjang tahun 2025 melibatkan **788 liputan menerusi media cetak** dan **1,355 liputan melalui media dalam talian**.

Pencapaian tersebut membuktikan peranan signifikan media sebagai penghubung antara Majlis dan masyarakat dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap perkhidmatan serta inisiatif yang dilaksanakan bagi mendukung agenda pembangunan mampan, Petaling Jaya yang meliputi inisiatif Bandar Pintar, Komuniti Inklusif, Ekonomi Kitaran, Bandar Rendah Karbon, Bandar Selamat, Bandar Pembelajaran UNESCO dan Bandar Mesra Kanak-Kanak UNICEF.

Anugerah Media MBPJ 2026 mempertandingkan sebanyak **14 kategori** merangkumi pelbagai bidang termasuk laporan khas, penerbitan artikel, kewartawanan visual, liputan sukan, media hiburan serta penghargaan khas.

Kategori yang dipertandingkan ialah Anugerah Khas Media Datuk Bandar, Anugerah Laporan Khas Terbaik (Media Cetak, Elektronik dan Digital), Anugerah Penerbitan Artikel Terbaik (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina), Anugerah Kewartawanan Visual Terbaik (Fotografi dan Videografi), Anugerah Liputan Sukan Terbaik (Media Cetak dan Media Elektronik), Anugerah Penghargaan Media Hiburan serta Anugerah Khas Jabatan.

Bagi **Anugerah Khas Media Datuk Bandar** dan **Anugerah Laporan Khas Terbaik**, setiap pemenang menerima wang tunai **RM2,000 berserta trofi dan sijil**. Manakala tujuh kategori lain menawarkan hadiah wang tunai RM1,000 bersama trofi dan sijil, sementara pemenang Anugerah Penghargaan Media Hiburan menerima wang tunai RM500 berserta trofi dan sijil.

Anugerah Khas Media Datuk Bandar diberikan kepada wartawan yang menunjukkan komitmen tinggi dalam menghasilkan liputan berkualiti dengan impak signifikan terhadap reputasi MBPJ, manakala Anugerah Khas Jabatan pula menghargai jabatan dalaman MBPJ yang aktif menyokong usaha penyampaian maklumat kepada masyarakat.

Bagi tahun ini, hampir **100 penyertaan** diterima melibatkan hasil karya yang diterbitkan dari **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025**. Proses penilaian dilaksanakan secara telus dengan kerjasama ahli akademik daripada institusi pengajian tinggi tempatan dan swasta bagi memastikan pemilihan pemenang berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran **YB Tuan Syed Ahmad bin Abdul Rahman Alhadad** atau lebih dikenali sebagai **Altimet**, yang menerima **Anugerah Penghargaan Anak Seni PJ** sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan beliau dalam bidang seni dan industri kreatif.

Anak kelahiran Petaling Jaya itu turut dikenali sebagai antara figura seni yang membesar di bandar raya ini, sekali gus mencerminkan identiti serta aspirasi Petaling Jaya dalam melahirkan bakat kreatif yang memberi inspirasi kepada masyarakat.

Turut hadir ialah barisan Ahli Majlis MBPJ, YBrs. Tuan Mohd Fauzi bin Maarop, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) MBPJ serta Pn. Hjh. Haniza binti Abdul Hamid, Pengarah Komunikasi Korporat MBPJ.

MBPJ berharap penganjuran Anugerah Media ini akan terus menjadi platform yang dapat memperkukuh kerjasama strategik bersama pengamal media selain mendorong penghasilan karya kewartawanan yang berkualiti, berinformasi dan memberi nilai tambah kepada masyarakat Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh :

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat, Majlis
Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), e-mel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/ 204



مجلس بندا راي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (47)

Tarikh: 28 Jun 2026

MBPJ PERLUAS INISIATIF KITAR SEMULA, GALAK BUDAYA MASYARAKAT LESTARI

Petaling Jaya, 28 Jun 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperkenalkan pendekatan inovatif **“Recycle and Redeem”** menerusi penganjuran **Karnival PJ Bandar Mampan dan Bahagia** sebagai usaha menggalakkan budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat, di samping memberi manfaat ekonomi secara langsung kepada komuniti setempat.

Program yang berlangsung di **Pasar Pagi Taman Medan** hari ini turut diserikan dengan kehadiran **YBhg. Dato’ Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**, yang turut menyaksikan pelaksanaan inisiatif komuniti berteraskan kelestarian alam sekitar serta pendekatan **People-Centric** yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat.

Karnival PJ Bandar Mampan dan Bahagia “Recycle and Redeem” merupakan inisiatif MBPJ bagi menggalakkan penyertaan komuniti dalam amalan kitar semula melalui pendekatan pertukaran bahan kitar semula seperti botol plastik, tin minuman dan bahan terpilih kepada kupon ganjaran.

Kupon tersebut boleh digunakan untuk pembelian barangan keperluan harian daripada peniaga di pasar pagi terlibat, sekali gus membantu komuniti menangani cabaran kos sara hidup di samping merencanakan aktiviti ekonomi setempat.

Datuk Bandar Petaling Jaya berkata, pendekatan inovatif ini membuktikan bahawa usaha pemeliharaan alam sekitar boleh digabungkan bersama elemen kesejahteraan sosial dan pembangunan ekonomi komuniti.

“Melalui konsep **“Recycle and Redeem”**, masyarakat bukan sahaja dididik untuk mengasingkan sisa di punca dan meningkatkan kadar kitar semula, malah turut memperoleh manfaat ekonomi melalui penjimatan perbelanjaan harian.

“Inisiatif ini mewujudkan situasi ‘menang-menang’ apabila komuniti mendapat manfaat, peniaga kecil tempatan menerima peningkatan jualan, manakala MBPJ dapat mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan,” katanya.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Bagi pelaksanaan program ini, komuniti digalakkan membawa bahan kitar semula untuk ditukarkan kepada kupon berdasarkan berat barangan yang dikumpulkan seperti berikut:

BIL.	BERAT BARANGAN KITAR SEMULA	KADAR KUPON
1.	2000 GRAM	RM 60.00
2.	1500 GRAM	RM 50.00
3.	1000 GRAM	RM 40.00
4.	500 GRAM	RM 30.00

Program ini turut menyasarkan penyertaan seramai **400 orang peserta bagi setiap lokasi**, dengan jangkaan keseluruhan **2,000 penerima manfaat** melalui pelaksanaan di lima (5) lokasi pasar pagi terpilih sekitar Petaling Jaya.

Selain Pasar Pagi Taman Medan, program ini akan diteruskan di lokasi lain termasuk **Pasar Pagi SS2** pada 1 Julai 2026 dan **Pasar Tani Kota Damansara** pada 4 Oktober 2026.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Karnival PJ Bandar Mampan dan Bahagia “Recycle and Redeem” dijangka berjaya mengumpulkan sebanyak **2,500 kilogram sisa plastik** untuk dikitar semula, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kadar kitar semula serta pengurangan pelepasan karbon hasil pengurangan sisa ke tapak pelupusan.

Program ini turut menyokong agenda pembangunan mampan MBPJ, Kerajaan Negeri Selangor dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), khususnya:

- i. SDG 11 – Sustainable Cities and Communities (Bandar dan Komuniti Mampan);
- ii. SDG 12 – Responsible Consumption and Production (Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab);
- iii. SDG 13 – Climate Action (Tindakan terhadap Perubahan Iklim).

Terdahulu, MBPJ telah melaksanakan program ***Ramadan on Wheels @PJ*** yang dirasmikan oleh **Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin** pada 25 Februari 2026 di Bazar Ramadan Lembah Jaya.

Program tersebut berjaya mendidik masyarakat mengamalkan kitar semula melalui pertukaran sisa plastik, tin dan surat khabar kepada juadah berbuka puasa, melibatkan penyertaan seramai 743 penduduk serta berjaya mengumpulkan sebanyak 812 kilogram sisa kitar semula.

Secara keseluruhannya, sebanyak 13 program berkaitan kelestarian dan kesejahteraan komuniti yang dilaksanakan MBPJ sejak tahun 2021 telah memberi manfaat kepada **8,173 orang penduduk**.

Sejak tahun 2020 sehingga Mac 2026, MBPJ turut menyalurkan sebanyak **RM2,695,732.66** atau 40 peratus daripada hasil kutipan caj beg plastik ke dalam Akaun Amanah Kutipan Caj Beg Plastik MBPJ yang digunakan semula bagi membiayai program pemeliharaan alam sekitar, inisiatif hijau komuniti dan kesejahteraan rakyat.

MBPJ komited untuk terus memperkukuh usaha membangunkan Petaling Jaya sebagai bandar yang lebih hijau, berdaya tahan dan inklusif melalui pendekatan yang mengutamakan kesejahteraan rakyat, ekonomi kitaran serta kelestarian alam sekitar.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](#), e-mel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بڠداراي پتالينڟ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

Bil. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (48)

Tarikh: 30 Jun 2026

MBPJ PERKENAL GARIS PANDUAN AKTIVITI PERNIAGAAN BAHARU, PERKASA EKOSISTEM PERNIAGAAN PETALING JAYA

Petaling Jaya, 30 Jun 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kini berada di peringkat akhir pelaksanaan Garis Panduan Aktiviti Perniagaan baharu serta penambahbaikan beberapa syarat pelesenan sedia ada bagi memastikan sistem kawal selia perniagaan di Petaling Jaya lebih sistematik, jelas, cekap dan selari dengan perkembangan ekonomi semasa.

YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya dalam ucapannya berkata, inisiatif tersebut merupakan komitmen berterusan MBPJ dalam memperkukuh pembangunan ekonomi bandar raya melalui pendekatan pelesenan yang lebih responsif serta mesra perniagaan tanpa mengabaikan aspek keselamatan, kesihatan awam dan kesejahteraan komuniti.

“Pendekatan MBPJ adalah **membenarkan dengan kawal selia yang bersesuaian**, bukannya memperbanyakkan larangan. Kita mahu mewujudkan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, kemudahan menjalankan perniagaan serta kepentingan penduduk Petaling Jaya,” katanya dalam sidang media hari ini.

Beliau berkata, hasil Bengkel Pengukuhan Pelesenan 3.0 yang diadakan pada 28 hingga 30 April 2026 bersama Ahli Majlis dan jabatan teknikal MBPJ, sebanyak **15 garis panduan baharu dan penambahbaikan** telah berjaya disediakan.

Menurutnya, sejak tahun 2024, MBPJ telah membangunkan serta mengemas kini sebanyak 36 garis panduan pelesenan, sekali gus memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus pelesenan di bandar raya berkenaan.

Dalam masa yang sama, proses pembangunan garis panduan baharu ini dilaksanakan berlandaskan **Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007**, khususnya **Perkara 54**, yang memperuntukkan bahawa mana-mana aktiviti perniagaan yang tidak tersenarai dalam jadual boleh dikenakan bayaran lesen setelah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi aktiviti yang melibatkan **Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1996** atau perkara yang tertakluk kepada dasar Kerajaan Negeri Selangor, MBPJ turut mendapatkan rujukan dan panduan daripada Kerajaan Negeri serta mengambil kira surat-surat pekeliling yang sedang berkuat kuasa bagi memastikan setiap garis panduan yang diperkenalkan mematuhi peruntukan undang-undang dan dasar semasa.



Antara garis panduan baharu dan penambahbaikan yang diperkenalkan melibatkan aktiviti seperti **gimnasium 24 jam, pet café, pet hotel, pusat rawatan estetik, dapur berpusat (central kitchen), aktiviti kurier, gerai kaki lima, dewan acara di pusat beli-belah serta sukan simulator.**

Pembangunan garis panduan tersebut turut mengambil kira perkembangan **sektor ekonomi baharu (sunrise industries)** yang dijangka berkembang pesat berdasarkan trend ekonomi global seperti pusat data, logistik dan kurier, pelancongan domestik, perniagaan dalam talian, industri penjagaan haiwan serta tenaga hijau.

“MBPJ mengambil pendekatan yang lebih ke hadapan dengan menyediakan mekanisme pelesenan yang jelas dan bersesuaian bagi menyokong pertumbuhan industri baharu, di samping memastikan setiap aktiviti perniagaan dilaksanakan secara teratur,” katanya.

Beliau berkata, penyediaan garis panduan tersebut turut melibatkan kajian terhadap amalan terbaik antarabangsa termasuk rujukan daripada beberapa negara seperti Jepun, Korea Selatan, China, Jerman, Indonesia dan India bagi memastikan pendekatan kawal selia yang dilaksanakan sentiasa relevan dengan perubahan industri semasa.

Tambah beliau, pembangunan garis panduan ini turut mengambil kira pandangan serta kepakaran pelbagai pihak termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Jabatan Perbendaharaan Negeri Selangor, jabatan teknikal MBPJ serta wakil pemain industri menerusi siri libat urus yang dijalankan.

Dalam pada itu, MBPJ turut memberi perhatian terhadap aktiviti perniagaan di kawasan kediaman menerusi **Program Pemutihan Perniagaan di Kawasan Kediaman** yang melibatkan **202 premis di PJ Old Town dan 78 premis di Sungai Way.**

Sesi libat urus bersama pengusaha terlibat akan diadakan pada penghujung Julai 2026 bagi mencari penyelesaian yang lebih tersusun, praktikal dan mengambil kira kepentingan semua pihak. Garis panduan baharu serta penambahbaikan syarat pelesenan ini **dijangka berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2026** dan akan memberi manfaat kepada pengusaha melalui proses permohonan lesen yang lebih teratur, pantas dan mudah difahami.

MBPJ bukan sekadar bertindak sebagai pihak berkuasa melulus dan mengawal selia, malah berperanan sebagai pemudah cara dalam membentuk persekitaran perniagaan yang inovatif, selamat dan berdaya saing.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, Petaling Jaya terus diperkasakan sebagai bandar raya yang bersedia menerima perubahan ekonomi, menyokong pertumbuhan industri masa hadapan serta memperkukuh kedudukannya sebagai destinasi pilihan untuk perniagaan dan pelaburan.

Dikeluarkan oleh :

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat, Majlis
Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), e-mel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/ 204